**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 21**
**RUANGAN : NASIONAL**



*Pemeriksaan MBPP menemukan najis tikus dan lipas, selain ada yang meletakkan bahan makanan di atas lantai.* (Foto ihsan MBPP)

# Lapan premis makanan kotor diarah tutup 14 hari

**Georgetown:** Lapan premis makanan, termasuk dua restoran nasi kandar di sini, diarah tutup selama 14 hari oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selepas didapati beroperasi pada tahap kebersihan yang tidak memuaskan.

Tindakan diambil selepas pemeriksaan terhadap premis berkenaan menemukan najis tikus dan lipas, selain ada yang meletakkan bahan makanan di atas lantai.

Ahli Majlis MBPP, Tan Soo Siang, berkata arahan penutupan serta-merta itu dibuat mengikut Undang-Undang Kecil UUK 38(1) Establisymen Makanan MPPP 1991.

Katanya, MBPP tidak akan berkompromi dengan piawaian kebersihan dan telah melaksanakan pemantauan secara berkala serta membuat pemeriksaan secara rutin, rawak dan mengejut dari semasa ke semasa.

"Dalam operasi oleh Jabatan Pelesenan malam tadi, MBPP memeriksa sembilan premis makanan dengan memberi tumpuan kepada aspek kebersihan kawasan penyediaan makanan, iaitu bahagian dapur, ruang penyimpanan bahan mentah dan sebagainya.

"Sebanyak lapan daripada jumlah keseluruhan premis yang diperiksa telah didapati berada dalam tahap kebersihan yang tidak memuaskan serta penemuan najis tikus dan lipas di bahagian dapur.

"Lebih mendukacitakan, ada satu premis makanan yang tidak menghiraukan aspek kebersihan penyediaan makanan kepada pelanggan dengan memproses dan memotong ikan mentah di atas lantai, selain ada yang tidak menyelenggara dengan baik peti sejuk yang menyimpan bahan mentah," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 14**
**RUANGAN : NEGARA**

# 22 pelajar ikuti kem SPM alami keracunan makanan

**KUALA TERENGGANU** – Seramai 22 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang juga pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Guntong, Setiu dekat sini dikejarkan ke hospital akibat keracunan makanan selepas menikmati sarapan di sebuah resort di daerah itu kelmarin.

Mereka merupakan sebahagian 48 pelajar sekolah itu yang sedang mengikuti Kem Anakku Cemerlang sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan SPM tidak lama lagi.

Pengarah Pendidikan Terengganu, Jelani Sulong berkata, kesemua peserta kem berkenaan menikmati sarapan disediakan pengusaha dewan makan resort berkenaan pada pukul 8 pagi.

"Sejam kemudian, seramai lapan pelajar yang sedang mengikuti kem itu tiba-tiba mengadu sakit perut dan muntah-muntah sehingga terpaksa dikejarkan ke Hospital Setiu.

"Tidak lama kemudian dua lagi peserta turut mengadu sakit perut dan dihantar guru ke Klinik Kesihatan Permaisuri, Setiu untuk menerima rawatan," katanya di sini semalam.

Jelani berkata, kes keracunan makanan dipercayai akibat memakan sarapan terbabit kemudian meningkat kepada 12 pelajar lagi tidak lama kemudian.

Beliau berkata, setakat ini sembilan pelajar telah mendapatkan rawatan pesakit luar di Hospital Setiu, manakala seorang telah dimasukkan ke dalam wad hospital sama.

"Pejabat Kesihatan Daerah Setiu telah melakukan siasatan termasuk mendapat maklumat daripada kesemua pelajar terlibat dalam kem SPM berkenaan.

"Sampel makanan berkenaan juga telah diambil. Siasatan sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca keracunan berkenaan," katanya.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 17**
**RUANGAN : NEGARA**



Dua restoran nasi kandar antara lapan premis diarah tutup 14 hari di Pulau Pinang

# Ada najis tikus, lipas dalam restoran

Oleh SAFINA RAMLI

**GEORGE TOWN –** Penemuan najis tikus dan lipas menyebabkan lapan premis makanan termasuk dua restoran nasi kandar-diarah tutup oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selama 14 hari bermula kelmarin.

Selain itu, pemeriksaan mengejut dan rawak tersebut juga mendapati sebuah premis makanan tidak menghiraukan aspek kebersihan penyediaan makanan kepada pelanggan dengan memproses serta memotong ikan di atas lantai.

Malah, terdapat premis yang tidak menyelenggara dengan baik peti sejuk beku yang menyimpan bahan mentah.

Ahli Majlis MBPP, Tan Soo Siang berkata, pemeriksaan seperti ini perlu dijalankan untuk memastikan kebersihan premis makanan di negeri ini.

Menurutnya, penutupan premis-premis itu bukan bertujuan menjejaskan perniagaan mereka, sebaliknya lebih kepada memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat setempat.






NAJIS tikus yang ditemui.

PENGUAT kuasa MBPP memasang pita pelekat arahan penutupan sementara sebuah restoran kelmarin.

"Kesemua lapan premis ini telah dikenakan tindakan arahan penutupan serta-merta 14 hari di bawah Undang-Undang Kecil UUK 38(1) UUK Establisymen Makanan MBPP 1991.

"MBPP tidak akan berkompromi dengan piawaian kebersihan dan telah melaksanakan pemantauan secara berkala serta membuat pemeriksaan secara rutin dan rawak secara mengejut dari semasa ke semasa," katanya di sini semalam.

Menurutnya, MBPP bertindak tegas dalam memastikan semua premis makanan di kawasan pentadbiran ini mematuhi tahap piawaian kebersihan ditetapkan termasuk tempat penyediaan makanan dan tempat memasak di restoran.

"Ini memandangkan faktor kebersihan adalah amat penting bukan sahaja untuk memastikan kesihatan pelanggan, tetapi juga untuk menjaga reputasi industri makanan dan minuman di kawasan pentadbiran MBPP," ujarnya.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 8**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Demam denggi: Satu kematian pada ME 44



DR MUHAMMAD RADZI

**PUTRAJAYA** - Kes demam denggi dilaporkan menurun kepada 1,346 kes pada Minggu Epidemiologi (ME) 44 bagi tempoh 27 Oktober hingga 2 November lepas berbanding 1,521 kes pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, kematian akibat komplikasi demam denggi juga menurun kepada satu kematian berbanding dua kematian pada minggu sebelumnya.

"Secara kumulatif, jumlah kes demam denggi sehingga ini sebanyak 111,250 kes dengan 102 kematian, berbanding 100,936 kes dan 78 kematian untuk tempoh yang sama pada 2023," katanya dalam kenyataan di sini pada Jumaat.

Dr Muhammad Radzi berkata, terdapat 27 lokaliti aktif yang dilaporkan pada ME 44 berbanding minggu sebelumnya.

Beliau berkata, daripada 27 lokaliti yang dilaporkan sebanyak 14 di Selangor, empat masing-masing di Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, dua di Perak serta satu masing-masing di Sabah, Pulau Pinang dan Kelantan.

Dr Muhammad Radzi berkata, walaupun terdapat penurunan kes denggi ketika ini, masyarakat tidak boleh leka memandangkan Jabatan Meteorologi Malaysia telah mengeluarkan makluman mengenai Monsun Timur Laut (MTL) yang bermula awal November 2024 hingga Mac 2025.

"Semasa MTL, negara dijangka mengalami peningkatan hujan yang berpotensi meningkatkan banyak kawasan air bertakung yang sesuai untuk pembiakan nyamuk aedes," jelasnya.

Beliau berkata, adalah penting bagi pihak masyarakat untuk sentiasa melakukan langkah pencegahan seperti membersihkan kawasan sekitar dan memastikan tiada bekas atau kawasan air bertakung. - Bernama

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 9**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Ubat generik selamat, berkesan - KKM

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) menegaskan penggunaan ubat-ubatan generik adalah selamat, berkesan dan memberikan natijah terbaik berdasarkan penilaian teliti pengamal perubatan bertauliah tentang keperluan klinikal pesakit.

KKM dalam kenyataan memaklumkan, pihaknya tidak akan berkompromi dalam soal kualiti, keselamatan dan kesihatan pesakit semata-mata untuk mengurangkan kos rawatan termasuk untuk ubat-ubatan.

"Dasar Ubat Nasional (DUNas) yang dibangunkan pada 2006 adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memastikan semua rakyat Malaysia sentiasa mendapat akses kepada ubat-ubatan penting," kata kenyataan itu pada Jumaat.

Kenyataan itu adalah maklum balas kepada laporan portal dalam talian pada 5 November yang memetik kenyataan daripada sebuah persatuan farmaseutikal dengan dakwaan penggunaan ubat generik mampu memudaratkan pesakit. - *Bernama*

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 26**
**RUANGAN : NEGERI**

# DBKL tutup restoran kotor sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur



Anggota penguat kuasa DBKL memeriksa premis yang meletakkan barang jualan di siar kaki.

**KUALA LUMPUR** - Restoran yang tidak menjaga kebersihan di sekitar kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pusat Bandar Utara di sini diambil tindakan penguatkuasaan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

DBKL memaklumkan, tindakan khas dijalankan itu turut memberi tumpuan terhadap barangan perniagaan yang diletakkan di tempat awam.

Menurutnya, sebanyak 12 premis telah dikenakan pindah halangan melibatkan barang perniagaan yang diletakkan di tempat awam.

"Selain itu, penutupan serta-merta telah dikenakan terhadap premis makanan yang tidak menjaga kebersihan.

"Tindakan diambil di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan UUK Pelesenan Penempatan Makanan (WPKL) 2016," katanya menerusi Facebook pada Jumaat.

Jelasnya, barangan yang disita kemudiannya dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

Sementara itu di **KLANG**, tiga premis perniagaan dikenakan kompaun kerana beroperasi tanpa lesen dalam satu operasi pihak berkuasa tempatan di Jalan Perusahaan 24 dan Solok Pandamar Indah 1 di sini.

Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) menjelaskan, sebanyak empat premis telah diperiksa menjalankan aktiviti kafeteria, menjual kosmetik, menjahit dan menjual pakaian serta farmasi.

Bagaimanapun katanya, hanya satu premis yang mempunyai lesen perniagaan 2024.

Susulan itu jelasnya, satu kompaun dikeluarkan di bawah UUK 3(1) Undang Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Perbandaran Klang) 2007.

"Selain itu sitaan dan amaran lisan dikeluarkan di bawah UUK 3 Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Klang) 2007," katanya.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 25**
**RUANGAN : NEGERI**

# Potong ikan atas lantai



Pegawai MBPP memeriksa dapur salah sebuah premis makanan di George Town baru-baru ini.

## Lapan premis makanan termasuk restoran nasi kandar abai kebersihan diarah tutup

Oleh **MOHD ISKANDAR OTHMAN**
GEORGE TOWN




**Tindakan penutupan serta-merta dilakukan ke atas premis yang tidak menjaga tahap kebersihan.**

Lapan premis makanan termasuk dua buah restoran nasi kandar di sekitar George Town di sini ditutup 14 hari selepas tahap kebersihan ditunjukkan tidak memuaskan selain penemuan najis tikus dan lipas di bahagian dapur.

Lebih melyakan terdapat satu premis yang dikesan melakukan penyediaan makanan kepada pelanggan dengan memproses dan memotong ikan mentah di atas lantai.

Pengerusi Gantian Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Tan Soo Siang berkata, operasi yang dijalankan bukan bertujuan menjejaskan perniagaan mana-mana pihak sebaliknya untuk menekankan kepentingan mengamalkan kebersihan dalam penyediaan makanan.

"Kita lakukan pemeriksaan secara menyeluruh di bahagian dapur, tempat penyimpanan makanan serta stor sebelum menemui najis tikus di beberapa lokasi.

"Selain najis tikus, pemeriksaan di beberapa premis yang kita periksa juga membawa kepada penemuan lipas di bahagian rak air," katanya pada sidang akhbar di sini pada Khamis.

Soo Siang berkata, tindakan penutupan serta-merta terhadap lapan premis itu dibuat mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 38(1) Establisymen Makanan MPPP 1991.

Selain itu, bagi kesalahan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, sebanyak dua premis telah dikeluarkan notis tawaran kompaun kerana didapati tidak menyediakan perangkap gris dan secara terus mengalirkan basuhan sisa makanan ke dalam parit awam.

Beliau berkata, MBPP tegas dalam memastikan semua premis-premis makanan di kawasan pentadbirannya mematuhi tahap piawaian kebersihan yang ditetapkan.

"Kita tidak akan berkompromi dengan piawaian kebersihan dan telah melaksanakan pemantauan secara berkala serta membuat pemeriksaan secara rutin dan rawak malah secara mengejut dari semasa ke semasa.

"MBPP sangat prihatin terhadap aspek kebersihan tempat penyediaan makanan dan memasak di restoran kerana faktor kebersihan amat penting bukan sahaja untuk memastikan kesihatan pelanggan tetapi juga untuk menjaga reputasi industri makanan dan minuman di kawasan pentadbiran MBPP," katanya.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 28**
**RUANGAN : NEGERI**

# 22 pelajar SMK Guntong alami keracunan makanan

**KUALA TERENGGANU** - Seramai 22 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Guntong, Setiu mengalami muntah dan sakit perut akibat keracunan makanan selepas bersarapan di dewan makan sebuah resort di sini, pada Khamis.



*"Kesemua pelajar itu telah bersarapan secara layan diri yang telah disediakan oleh pengusaha dewan makan di resort berkenaan pada jam 8 pagi."*

- Jelani Sulong

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT), Jelani Sulong menyatakan berdasarkan laporan diterima, kejadian melibatkan 48 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang sedang mengikuti Kem Anakku Cemerlang di resort berkenaan.

"Kesemua pelajar itu telah bersarapan secara layan diri yang telah disediakan oleh pengusaha dewan makan di resort berkenaan pada jam 8 pagi.

"Bagaimanapun sejam kemudian, lapan orang pelajar telah mengadu sakit perut dan muntah-muntah. Susulan itu, pelajar yang sakit telah dibawa ke Hospital Setiu untuk mendapatkan rawatan lanjut.

"Jumlah pelajar yang mengadu sakit perut pula telah bertambah seramai dua orang dan mereka telah dihantar ke Klinik Kesihatan Permaisuri oleh guru terlibat," katanya ketika dihubungi pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Jelani berkata, pihak Pejabat Kesihatan Daerah Setiu telah hadir ke resort itu untuk bertemu dengan semua peserta kem SPM bagi mendapatkan maklumat berhubung kes keracunan berkenaan.

"Tidak lama kemudian, 12 orang pelajar lagi turut mengalami simptom keracunan.

"Sehingga jam 2 petang Khamis, seramai 10 pelajar menerima rawatan di hospital.

"Hanya seorang pelajar telah dimasukkan ke dalam wad untuk rawatan susulan manakala sembilan orang murid telah dibenarkan pulang," katanya.

Jelani berkata, pihak Pejabat Kesihatan Daerah Setiu sudah datang ke resort berkenaan bagi membuat pemeriksaan dan mengambil sampel berkaitan kejadian tersebut.

"Sebarang keputusan lanjut bergantung kepada siasatan daripada pejabat kesihatan berkenaan," katanya.